



EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 10.00 malam pada 30.6.77

DR. MAHATHIR BERUCAP DI MAJLIS
MAKAN MALAM TAHUNAN FAKULTI
PENGAJIAN ISLAM

Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia di Majlis Makan Malam Tahunan Fakulti Pengajian Islam di Dewan Al Malek Faisal Universiti Kebangsaan pada 30hb. Jun, 1977, jam 8.30 malam.

(Disampaikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Tuan Haji Salleh Jafaruddin)

Saya lebih dahulu mengucapkan syukur kehadiran Allah kerana mendapat peluang keemasan untuk memberi ucapan dalam perjumpaan ini dan seterusnya mengucapkan terimakasih kepada Fakulti Pengajian Islam yang mengundang saya hadir dalam Majlis Makan Malam Tahun yang diadakan oleh Fakulti ini.

Disamping kita menikmati Makan Malam eloklah benar jika kita mengambil peluang bertukar fikiran mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara kita sekarang serta membincangkan apakah sumbangan dan rancangan yang dapat diberi kerana masyarakat dan negara adalah sentiasa mengharapkan sumbangan tenaga, fikiran dan perjuangan daripada rakyatnya terutama yang terpelajar dan berpengetahuan.

Fakulti Pengajian Islam yang dianggotai oleh ramai golongan cendiakiawan Islam sudah sewajarnya dapat membimbing masyarakat dan memberi petunjuk ke arah kemajuan yang berasas kepada Islam yang sangat-sangat dikehendaki oleh negara.

Sekali pun Dakwah Islam sudah sampai ke Semenanjung Malaysia kira-kira pada kurun ke 13 masehi dan seluruh orang-orang Melayu menerima agama itu, tetapi perkembangan pengajiannya tidak berjalan begitu pesat sehingga negara ini mencapai kemerdekaan. Yang berlaku sebelum merdeka ialah penukaran kepercayaan orang-orang Melayu daripada agama Hindu atau animis kepada agama Islam.

Ketika negara ini mencapai kemerdekaannya, taraf Pengajian Islam hanya berada di peringkat rendah dan bagi sebilangan kecil, ke peringkat menengah sahaja. Setelah merdeka baharulah Pengajian Islam mula meningkat ke peringkat sijil tertinggi Kolej Islam. Perkembangan pengajian di Kolej ini, walaupun tidak mencapai matlamat yang diharapkan, tetapi berjaya meneroka dan membina asas pelajaran agama ke peringkat yang lebih tinggi.

Apabila Universiti Kebangsaan ditubuhkan pada tahun 1970 Fakulti Pengajian Islam diwujudkan di Universiti itu untuk mengganti pengajian sijil tertinggi Kolej Islam. Sehingga hari ini Fakulti Islam berjaya mengeluarkan sebanyak 538 orang graduan. Penubuhan Fakulti Islam memerlukan sekolah-sekolah agama selain daripada Kolej Islam yang mempunyai cukup persediaan untuk menyalurkan pelajar-pelajar yang cukup dan layak untuk menyambung pelajaran ke Fakulti itu. Sebagai langkah ke arah itu Kementerian Pelajaran telah mengambilalih II buah Sekolah Menengah Agama di Semenanjung Malaysia dan menubuh 2 buah di Sarawak dan Sabah.

(tambahan)

Di bidang perguruan pula guru-guru agama pada masa sebelum merdeka tidak pernah mendapat latihan perguruan. Mulai tahun 1964 guru-guru agama yang di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran telah diberi latihan perguruan. Apabila rancangan ambilalih guru-guru agama Sekolah Rendah selesai tidak berapa lama lagi Kementerian Pelajaran bercadang akan memberi latihan perguruan kepada guru-guru ini yang belum mempunyai latihan perguruan. Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan kemahiran mereka menyampaikan pelajaran agama Islam dengan lebih berkesan kepada murid-murid sekolah. Oleh kerana bilangan guru-guru agama yang memerlukan latihan perguruan semakin bertambah, sebuah Maktab Latihan Perguruan Islam telah ditubuhkan dan akan mengambil tempat di Kampus Fakulti Islam di Universiti Kebangsaan sekarang setelah Fakulti ini berpindah ke Bangi.

Sungguhpun Universiti Kebangsaan sahaja yang mengadakan Fakulti Pengajian Islam tetapi disamping itu juga Yayasan pelajaran tinggi yang lain mewajibkan atau sedang merancang kursus Pengajian Islam kepada siswa-siswi yang beragama Islam, Kementerian Pelajaran mengalu-alukan sekiranya semua Pusat Pengajian Tinggi di negara ini menawarkan kursus Pengajian Islam kepada semua pelajar-pelajar yang beragama Islam.

Kementerian Pelajaran setakat ini tidak bercadang hendak melaksanakan mana-mana Pusat Pengajian Tinggi mewajibkan Pengajian Islam kepada siswa-siswinya kerana Kementerian percaya yayasan-yayasan itu adalah bertanggungjawab dan sedar tentang pentingnya pelajaran agama dan terpujanglah kepada yayasan-yayasan itu menyesuaikan dirinya dengan kehendak-kehendak Kerajaan dan keperluan umat Islam dan negara.

Seperkara yang perlu saya tempuh dalam Majlis ini ialah sikap kita terhadap Pengajian Islam. Umumnya sikap kita terhadap pelajaran agama adalah negatif - iaitu lebih tertumpu kepada mencari issue perbalahan daripada membetul yang salah dan menyeru dengan cara yang dituntut oleh Islam ke arah yang benar.

Misalnya sebagai orang Islam kita mengetahui bahawa orang Islam perlu pelajari hukum-hukum Islam tanpa menunggu perintah daripada sesiapa. Tetapi ramai yang menumpukan perhatian kepada soal perintah. Apabila tidak ada perintah kita jadinya sebagai issue. Kemudian mempelajari sekarang sangat luas samada dengan secara formal atau tidak formal. Tidak ada sekatan terhadap pelajarannya. Apa yang diperlukan ialah seruan - yakni seruan dari mereka yang sudah sedar. Seruan seperti ini adalah lebih berkesan daripada paksaan. Jika dalam keadaan kurang kemudahan orang Islam dapat meluaskan pengetahuannya dalam agamanya, tidak ada satu sebab yang mereka patut mundur dengan kemudahan yang ada.

Masyarakat yang membuat baik cuma bila dipaksa, tidak akan kekal dengan kebajikannya. Sebaliknya masyarakat yang baik kerana percaya kepada kebaikan akan kekal dengan sifat ini. Oleh itu kita perlu seru ke jalan yang baik dan elak dari menjadi issue perbalahan sesama kita kerana tidak ada perintah untuk melakukan yang baik. Menimbulkan perbalahan di mana tidak patut ada perbalahan adalah bertentangan dengan seruan menghindarkan yang buruk.

Kerajaan memang ingin melihat pengajaran agama Islam yang sebenar berkembang dengan pesat di semua kalangan dan semua pihak. Oleh itu kegiatan dakwah yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan dan setengah pertubuhan kebajikan Islam amatlah berguna dan baik. Dengan perkembangan ajaran Islam yang luas itu orang ramai dapat memahami ajaran Islam dan membantu kerajaan secara tidak langsung membenteraskan kegiatan-kegiatan haram dan maksiat yang tidak dapat dihapuskan oleh undang-undang semata-mata.

(tambahan)

Malangnya seperti biasa sesuatu kegiatan yang menarik menjadi tumpuan bukan sahaja bagi mereka yang benar dan akhlah tetapi juga mereka yang mencari peluang bagi diri sendiri. Sebab itu dakwah yang tidak bercorak dakwah dan diusahakan oleh orang yang pengetahuan agamanya amat cetek sekarang berleluasa. Mereka ini lebih menumpukan perhatian kepada apa yang boleh dijadikan simbol Islam daripada ajaran yang sebenar. Juga mereka lebih bergantung kepada perasaan benci dan marah kepada orang lain daripada perasaan kasih mesra dan persaudaraan dalam Islam. Hasil dari kegiatan yang dikatakan dakwah seperti ini ialah perpecahan dan perpisahan antara orang Islam sehingga berpuak-puak, masing-masing dengan simbol-simbol masing-masing dan adat-resam yang tersendiri.

Kerajaan yang menjunjung tinggi agama Islam dan bertanggungjawab terhadapnya sudah tentu tidak senang melihat usaha jenis dakwah simbol dan dakwah memarah orang seperti ini. Memandang bahawa sebahagian besar dari pendakwah jenis ini tidak begitu cukup ilmu mereka, maka tentulah menjadi tanggungjawab juga kepada mereka yang telah mempelajari agama dengan lebih mendalam membetulkan yang tidak betul dan menyeru supaya balik ke jalan yang benar. Janganlah pula kita memandang minat mendakwah dan kesanggupan orang Islam mendengar seruan sebagai satu peluang untuk mendapat pengaruh.

Satu kumpulan yang penting dalam kegiatan dakwah yang benar ialah guru-guru, terutama guru agama. Mereka boleh membentuk kepercayaan bahkan peribadi murid mereka secara berkekalan. Juga sebagai guru, lebih-lebih lagi guru agama, mereka mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat.

Kedudukan ini mestilah diguna untuk menyeru ke jalan yang benar. Tetapi ada mereka-mereka yang melihat kedudukan ini sebagai peluang untuk kepentingan politik umpamanya. Di dorong oleh kepentingan ini mereka mempergunakan bukan sahaja tempat dan peluang tetapi tafsiran dan ajaran agama untuk mendapat pengaruh bagi diri sendiri. Seruan Islam kepada kebaikan, seruan Islam kepada persaudaraan dan dalam Islam, seruan Islam supaya menggunakan akal fikiran dan lain-lain seruan yang boleh membina umat Islam tidak ditekankan. Tumpuan diberi semata kepada beberapa keratan ayat dan sunah Nabi dengan tujuan menimbulkan kebencian kepada musuh politik dan juga Kerajaan.

Penyalahgunaan peluang dan kedudukan seperti ini bukan sahaja bertentangan dengan Islam, tetapi ia menimbulkan keadaan dan fahaman yang tidak sihat di kalangan murid dan masyarakat. Agama yang dicampur aduk dengan politik diri akan mengelirukan dan merosakkan masyarakat serta melemahkan kepercayaan.

Saudara-saudara yang terpelajar dalam agama tentu tidak akan berbuat demikian. Saya percaya saudara-saudara akan berusaha membetulkan yang salah dan menyeru ke jalan yang benar. Seruan ini tentulah dibuat melalui landasan-landasan Islam dan bukan dengan cara yang bertentangan dengan jalan Islam. Rakyat menaruh penuh harapan kepada saudara-saudara. Kerajaan juga menaruh penuh harapan kepada saudara-saudara. Oleh itu janganlah hampakan harapan-harapan yang tinggi ini.

Sekianlah sahaja dan saya sudahi dengan Wassallam Mualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

KUALA LUMPUR,
30hb. Jun, 1977. (dikeluarkan pada pukul 3.00 petang)

mav/maz
